

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 1990**

**SURAT WAKIL KUASA (POWER OF ATTORNEY) OLEH
SEORANG MELAYU BAGI URUSAN TANAH RIZAB MELAYU**

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Seksyen 8 Enakmen Rizab Melayu Negeri Kelantan 1930 melarang pemberian Surat Wakil Kuasa oleh seorang Melayu kepada seorang Bukan Melayu. Ini bermakna bahawa Surat Wakil Kuasa oleh seorang Melayu hanya boleh diberi kepada seorang Melayu yang lain.

2. Power of attorney Ordinary 1949 (Seksyen 4(4)) memperuntukkan :-

“(4) The provisions of sub-section (1) of this section shall not apply to instruments executed and used for the sole purpose of carrying out transactions in the office of a Registrar of Titles or a Collector of Land Revenue or a Chief Inspector or Warden of Mines, or solely for the purpose of section 11 of the Registration of Deeds Ordinance of the Straits Settlements, provided they are attested in accordance with any law the time being in force regarding the attestation of such instruments.”

Dengan ini bermakna bahawa Surat Wakil Kuasa bagi maksud transaksi di bawah undang-undang tanah hendaklah ditandatangani dihadapan Pentadbir Tanah Jajahan. Dengan persetujuan YB. Tuan Penasihat Undang-Undang pejabat ini telahpun mengeluarkan Pekeliling Bilangan 4 Tahun 1990 mengenai urusan tanah Rizab Melayu oleh seorang Melayu dengan menggunakan Surat Wakil Kuasa.

3. Oleh sebab Surat Wakil Kuasa merupakan satu dokumen yang penting (seolah-olah Borang 14A, 15A, 16A- short of registration) adalah diberitahu bahawa urusan penyaksian Surat Wakil Kuasa itu hendaklah dibuat oleh Pegawai Kanan iaitu Penolong Kanan Pentadbir Tanah Jajahan dan bila menandatangani surat tersebut hendaklah diterang kepada pemohon (donor) peruntukan Surat Wakil Kuasa itu sama ada ia betul-betul memahami kandungannya dan setelah tuan tanah (donor) mengakui demikian baharulah Surat Wakil Kuasa itu boleh ditandatangani. Perkara ini dibangkit untuk mengelak pengalman di masa-masa yang lalu di mana tuan tanah pernah mempertingikai kepada Pejabat Tanah bahawa ianya tidak memahami Surat Wakil Kuasa yang ditandatangani dihadapan Peguam kerana Surat Wakil

Kuasa berkenaan dibuat dalam Bahasa Inggeris dan sebagainya, khususnya PA jenis irrevocable given for a consideration of \$1.00. Format penyaksian Surat Wakil Kuasa adalah Borang 13B Kanun Tanah Negara dan bukannya Jadual Pertama Power of Attorney Ordinance 1949.

4. Peruntukan Seksyen 4(4) Power of Attorney Ordinance 1949 adalah selaras dengan Jadual Ke 5 Kanun Tanah Negara yang menetapkan bahawa semua penyaksian transaksi tanah-tanah seorang Melayu bagi tanah Rizab Melayu hendaklah ditandatangani dihadapan Pentadbir Tanah Jajahan kerana sekiranya Surat Wakil Kuasa ditandatangani oleh tuan tanah sebagai donor dihadapan Peguam ini akan membawa implikasi ganjil bahawa penerima PA (donee) hendaklah menandatangani Borang Suratcara dihadapan Pentadbir Tanah Jajahan. Kehendak undang-undang adalah kedua-dua pihak iaitu tuan tanah sebagai pemberi (donor) dan juga penerima (donee) hendaklah menandatangani Surat Wakil Kuasa dan Suratcara dihadapan Pentadbir Tanah Jajahan.

t.t

(Tengku Elias bin Tengku Mahmood)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BLOK 3, TINGKAT BAWAH, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU

BERTARIKH : **4HB. FEBRUARI, 1990**

KEPADA : Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

FAIL : P.T.G.KN.1483(22)